



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

22 Mei 2015 / 4 Syaaban 1436

Isra' Dan Mi'raj Dan Panduan Bagi

Mukmin Menghadapi Cabaran Kehidupan

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْمَلِكِ الْحَقِّ الْمُبِينِ الَّذِي أَبَانَ لِعِبَادِهِ مِنْ آيَاتِهِ مَا
بِهِ عِبْرَةٌ لِلْمُعْتَبِرِينَ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ إِلَهَ الْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا . أَمَّا بَعْدُ فَيَا
عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang saya kasihi,

Pada hari Jumaat yang penuh dengan keberkatan ini, marilah kita bersama memohon kepada Allah s.w.t. agar meningkatkan ketakwaan dan keimanan kita kepadaNya. Kembalilah kita bertaubat kepadaNya dan berusaha sedaya mampu, untuk tidak meninggalkan segala suruhanNya dan untuk tidak mengabaikan segala tegahanNya. Ini kerana tidak ada yang lebih kita inginkan daripada hidup ini kecuali redha Allah s.w.t.

Saudara,

Setiap kali kita berada di bulan Rejab, kita selalu diingatkan akan peristiwa Isra' dan Mi'raj yang baru sahaja berlalu pada minggu lepas. Ia merupakan peristiwa luar biasa dan istimewa yang dikhususkan untuk Junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Ia telah memberikan Nabi s.a.w. peluang untuk bertemu Allah s.w.t. dalam keadaan yang amat dekat. Peristiwa ini merupakan suatu kemuliaan yang tidak pernah dikurniakan kepada sesiapa pun sebelum Nabi s.a.w. Ia sekaligus mengingatkan kita akan keistimewaan, kemuliaan serta penghormatan tinggi yang diberikan Allah kepadanya. Amat beruntunglah kita ini saudara, kerana dipilih Allah s.w.t. menjadi pengikut dan ummatnya. Mudah-mudahan Allah s.w.t. tidak mengharamkan kita daripada dapat bertemu dan berkumpul bersama Rasulullah s.a.w. pada hari Kiamat nanti amin ya Rabbal 'alamin.

Saudara,

Meskipun kita melihat perjalanan istimewa ini sebagai suatu nikmat untuk Nabi s.a.w. namun perlu kita ingat selalu bahawa sebelum melaluinya, Nabi s.a.w. telah mengalami ujian dan cabaran yang amat dahsyat sekali. Isteri kesayangannya serta pakciknyanya yang merupakan pendokong dan pelindungnya telah meninggal dunia. Bahkan sebelum itu Nabi s.a.w. serta kabilahnya telah diboikot secara ekonomi sehingga mereka terpaksa hidup melarat tanpa makan dan minum sempurna.

Terlalu dahsyat ujian dan kesempitan yang dilalui Baginda sebelum Baginda merasai nikmat Isra' dan Mi'raj.

Hakikat kesusahan dan kesempitan yang dilalui oleh Nabi s.a.w. sebelum menerima nikmat undangan bertemu Allah ini ternyata menurut Almarhum Sheikh Dr. Ramadan Buthi, merupakan sunnatullah dalam kehidupan. Sunnatullah yang dimaksudkan ini adalah bagaimana setiap kesusahan, ujian dan cabaran dalam kehidupan ini pasti akan disusuli dengan kemudahan, kenikmatan dan kesenangan. Ini sesuai dengan janji Allah s.w.t. di dalam Surah As-Syarh ayat 5 dan 6:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٥﴾ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٦﴾

Yang bermaksud: *“Maka sesungguhnya dengan setiap kesusahan itu [pasti disertai] dengan kemudahan. Sesungguhnya dengan setiap kesulitan itu [pasti disertai] kemudahan”*

Kehidupan kita ini saudara tidak akan pernah sunyi daripada ujian dan kesempitan. Kita pasti akan diuji Allah dengan sesuatu daripada nikmat yang kita miliki. Ini merupakan suatu janji daripada Allah seperti yang disebutkan di dalam Surah Al-Baqarah ayat 155-156:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ
الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَدَشِّرِ الصَّابِرِينَ
الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا

إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾

Yang bermaksud: "Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. (laitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali."

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa kita pasti akan diuji sama ada dengan kehilangan harta, kesihatan, mereka yang kita kasihi dan sebagainya. Namun bagaimanakah seharusnya seorang Mukmin kemudian memandang dugaan dan kesulitan dalam kehidupannya? Apakah sikap dan mentaliti yang perlu ada pada kita bila kita dilanda kesusahan? Selalu beringat saudara bahawa Allah tidak akan mensia-siakan kesabaran dan usaha kita untuk mengatasi ujian dengan kesabaran. Ayat yang saya baru bacakan tadi disusuli dengan ayat 157,

menggambarkan bagaimana mereka yang bersabar di atas sebarang ujian akan diganjar Allah s.w.t. dengan limpahan rahmah dan kenikmatan yang tidak terhingga.

Ketahuiilah saudara, bahawa setiap ujian yang datang merupakan tanda bahawa Allah masih lagi inginkan kebaikan untuk kita. Di dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi, Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Apabila Allah kasihkan sesebuah kaum maka Dia akan menguji mereka”*.

Kita tidak perlu gundah gulana apabila diuji Allah saudara kerana pada hakikatnya ujian yang diberi adalah agar kita ini kembali ingat kepada Allah. Adalah menjadi lumrah bahawa manusia mudah terlupa Tuhannya dalam kesenangan dan keselesaan, maka ada tika dan waktunya Allah memberikan kita kesempitan agar kita teringat untuk kembali memohon bantuanNya. Maka apabila kita diuji bersyukurlah bahawa itu antara tanda Allah tidak mahu kita hanyut terus dalam keselesaan.

Bahkan ketahuilah bahawa mereka yang disukai Allah lah yang akan menerima ujian yang hebat. Ini sesuai dengan hadith Nabi s.a.w. *“Manusia yang paling dahsyat cubaannya adalah para anbiya’ kemudian orang-orang serupa lalu orang-orang yang serupa. Seseorang itu diuji menurut ukuran agamanya. Jika agamanya kuat, maka cubaannya pun dahsyat. Dan jika*

agamanya lemah, maka ia diuji menurut agamanya". [Ibn Majah dan At-Tirmidzi]

Hadith ini saudara, sekaligus mengingatkan kita bahawa Allah tidak akan menguji seorang hamba kecuali Dia mengetahui bahawa kita mempunyai kekuatan mengatasinya hingga akhirnya menerima balasan yang luar biasa. Oleh itu seorang Mukmin melihat sebarang ujian dengan pandangan positif bahawa ia adalah peluang yang diberikan Allah untuk dirinya meningkatkan kedudukannya di sisi Allah.

Yakinlah saudara bahawa dengan setiap ujian yang kita lalui dengan ketabahan, kita pada hakikatnya setapak lebih dekat dengan Allah dan kepada Syurga. Nabi s.a.w. pernah bersabda "*Tidaklah seorang muslim mendapatkan kelelahan, sakit, kecemasan, kesedihan, bahaya dan juga kesusahan, hingga duri yang menusuknya, melainkan Allah akan menghapuskan dosa-dosanya dengan hal tersebut.*" [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim]

Saudaraku,

Itulah hikmah ujian dan dugaan, ia berpotensi untuk melembutkan hati dan memudahkan seseorang tunduk kepada Allah. Orang yang tidak merasakan ujian boleh lebih mudah menjadi sombong dan keras hati serta tidak simpati kepada nasib orang lain. Oleh itu meskipun kita mungkin ketika ini berada di dalam keselesaan, doakan saudara mara seinsan

mahupun seagama kita yang sedang berada dalam kesempitan agar dikurniakan Allah keringanan.

Saudara,

Daripada hadith-hadith ini serta iktibar daripada peristiwa Isra' dan Mi'raj, jelaslah kepada kita bahawa di antara manfaat keimanan adalah ia memberikan pemiliknya kekuatan kerohanian dan sikap positif di dalam menghadapi ujian dan dugaan. Keimanan merupakan pencetus semangat untuk seorang yang beriman meneruskan kehidupannya untuk Allah, sehinggalah ia dijemput kembali pulang kepadaNya. Ingatlah doa yang diajarkan Baginda Nabi s.a.w. ketika ditimpa kesusahan iaitu:

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ اللَّهُمَّ آجِرْنِي فِي مُصِيبَتِي وَأَخْلِفْ لِي خَيْرًا مِنْهَا

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya kita ini milik Allah dan sungguh hanya kepada-Nya kita akan kembali. Ya Allah, kurniakan daku pahala dalam musibahku ini dan gantikan bagiku yang lebih baik daripadanya.”* [Muttafaq ‘Alaihi]

Mudah-mudahan, Allah s.a.w. meringankan ujian setiap daripada kita yang sedang dilanda dugaan dalam kehidupannya. Mudah-mudahan Allah membalas kesabaran kita dengan ganjaran syurga ketika kita bertemuNya kelak. Amin Ya Rabbal ‘Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.